

**TERAS PENGURUSAN ISLAM: ANALISIS KONSEP DAN IMPLIKASI
DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT MODEN**

Nur Fatin Najwa Azmee^{1*}, Noranisah Syahirah Rominuddin¹, Nur Khaireen
Khumaira Hasmadi¹, Nur Aleya Sofia Al Jefry¹ & Nur Aliah Nadhirah
Sallehuddin¹

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka,
78000 Alor Gajah, Melaka

*2022573305@student.uitm.edu.my (Corresponding Author)

DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v5i2.7316>

Abstrak**E-JITU**

Acceptance date:
29th August 2022

Valuation date:
15th September 2022

Publication date:
22th October 2022

Artikel ini mengupas teras pengurusan Islam yang menjadi asas kepada sistem pengurusan yang holistik dan berteraskan nilai-nilai Islam. Teras tersebut merangkumi Tauhid, Khilafah, Taskhir, Tazkiyah dan Karamatul Insan yang membentuk keseimbangan antara pembangunan rohani dan material. Kajian ini meneliti maksud, ciri-ciri, dan aplikasi teras ini dalam pengurusan individu dan organisasi, serta menilai kesannya terhadap masyarakat. Menggunakan kaedah kualitatif dan analisis kandungan dokumen, kajian ini mendapati bahawa penghayatan teras pengurusan Islam mampu membentuk masyarakat yang berintegriti, harmoni dan bertanggungjawab. Artikel ini turut membincangkan isu-isu semasa berkaitan pelaksanaan nilai-nilai ini dalam konteks Malaysia hari ini. Implikasi pengurusan berasaskan Islam bukan sahaja meningkatkan kualiti organisasi tetapi juga memperkuat hubungan sosial dan spiritual dalam masyarakat.

Kata kunci: Teras Pengurusan Islam, Tauhid, Khilafah, Taskhir, Tazkiyah, Karamatul Insan

**THE CORE PRINCIPLES OF ISLAMIC MANAGEMENT: AN ANALYSIS
OF CONCEPTS AND THEIR IMPLICATIONS IN MODERN SOCIETY****Abstract**

This article explores the core principles of Islamic management, which serve as the foundation for a holistic management system grounded in Islamic values. These principles—Tawhid (Divine Unity), Khilafah (Vicegerency), Taskhir (Utilisation of Resources), Tazkiyah (Purification), and Karamat al-Insan (Human Dignity)—establish a balance between spiritual and material development. The study examines the meanings, characteristics, and applications of these principles in both individual and organizational management, while assessing their impact on society. Using a qualitative methodology

and document content analysis, the study finds that internalizing Islamic management principles can foster a society that is ethical, harmonious, and responsible. The article also discusses current issues related to the implementation of these values in the contemporary Malaysian context. The implications of Islamic-based management extend beyond organizational improvement, contributing to stronger social and spiritual bonds within the community.

Keywords: *Islamic Management, Tawhid, Khilafah, Taskhir, Tazkiyah, Karamat al-Insan, Values-Based Leadership, Holistic Management.*

PENGENALAN

Teras pengurusan Islam merupakan satu konsep yang sistematik dan sangat lengkap berpandukan al-Quran dan Al-Sunnah. Konsep pengurusan Islam ini berkembang dalam sesebuah masyarakat dari zaman ke zaman. Di dalam topik ini terdapat beberapa teras pengurusan Islam yang diketengah dan boleh dijadikan pedoman serta memberi manfaat dalam urusan sesebuah sistem pengurusan berlandaskan piawaian Islam.

Menurut Muaz Mohd Noor (20220, terdapat lima teras pengurusan Islam yang terdapat di dalam topik ini, iaitu Tauhid, Khilafah, Taskhir, Tazkiyah dan Karamatul Insan yang menjadi tunjang utama dalam membentuk sistem pengurusan yang terbaik berlandaskan perintah Allah SWT. Pengurusan Islam menekankan bahawa setiap tindakan yang dilakukan mestilah dilaksanakan berpandukan syariah dan tidak melanggar perintah Allah SWT. Teras pengurusan ini bukanlah bersifat tertumpu kepada satu perkara namun ianya menyeluruh kepada individu dan organisasi untuk menguruskan hal ehwal kehidupan dengan penuh tanggungjawab, bersifat kemanusiaan, integriti serta adil. Oleh itu, teras pengurusan Islam ini perlulah ditekankan di zaman yang serba moden ini bagi melahirkan masyarakat yang positif, beragama dan beretika.

Menurut Muhammad Al-Buraey (1986), pengurusan ialah menyelaraskan tenaga manusia untuk mencapai matlamat kelompok sebagai makhluk sosial yang perlu berinteraksi antara satu sama lain. Justeru, pengurusan Islam merupakan proses penting bagi mengendalikan manusia dan organisasi demi mencapai matlamat bekerja berlandaskan al-Quran dan Al-Sunnah.

PERMASALAHAN KAJIAN

Pengurusan dalam Islam berbeza dengan pengurusan konvensional kerana ia meletakkan nilai Tauhid sebagai asas utama dalam setiap tindakan dan keputusan. Namun begitu, dalam realiti semasa, masih ramai dalam kalangan umat Islam yang tidak menghayati sepenuhnya prinsip-prinsip pengurusan Islam, terutamanya dalam konteks organisasi dan institusi. Menurut Mohd Nasir Ayub dan Wan Asma' Wan Abu Bakar (2010), pengurusan Islam menekankan perlunya setiap tindakan dikaitkan dengan ibadah dan tanggungjawab kepada Allah SWT, namun seringkali aspek ini diabaikan dalam pelaksanaan seharian.

Tambahan pula, pemahaman masyarakat terhadap konsep Khilafah sebagai amanah kepimpinan yang wajib dijalankan dengan adil dan berintegriti masih lemah. Masalah kepimpinan yang berlaku di Malaysia, termasuk gejala rasuah yang berleluasa, membuktikan bahawa kefahaman dan penghayatan terhadap konsep kepimpinan Islam masih belum diterapkan sepenuhnya (Jamari Mohtar, 2022). Kegagalan memikul amanah dengan penuh tanggungjawab telah mencetuskan pelbagai masalah sosial dan ekonomi yang menjejaskan keharmonian masyarakat.

Selain itu, aspek Taskhir yang menuntut manusia memanfaatkan dan memelihara alam sekitar dengan penuh tanggungjawab sering diabaikan. Norita Kamaruddin (2021) menekankan bahawa hubungan manusia dengan alam mesti bersifat simbiotik, namun kegiatan manusia yang tidak beretika menyebabkan pencemaran dan kemusnahan alam. Pemahaman terhadap konsep Taskhir yang sebenar mampu membentuk masyarakat yang menghargai sumber alam dan tidak menyalahgunakannya. Kesedaran tentang tanggungjawab sebagai khalifah yang menjaga bumi perlu diterapkan melalui pendidikan dan pengurusan yang berlandaskan prinsip Islam.

SOROTAN LITERATUR

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kandungan terhadap dokumen, artikel jurnal dan sumber ilmiah yang berkaitan dengan teras pengurusan Islam. Data diperoleh daripada teks akademik, jurnal, dan laporan yang membincangkan konsep Tauhid, Khilafah, Taskhir, Tazkiyah dan Karamatul Insan dalam pengurusan. Analisis bertujuan mengenal pasti maksud, prinsip dan implikasi teras pengurusan Islam terhadap pembangunan organisasi dan masyarakat.

Kajian ini turut menilai isu semasa berkaitan pengurusan dalam konteks Malaysia dengan meneliti kes-kes kepimpinan dan program keagamaan yang berhubung dengan tazkiyah serta pengurusan berlandaskan Islam. Data dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti hubungan antara teori dan amalan pengurusan Islam serta kesannya dalam membentuk masyarakat yang lebih bertanggungjawab dan berintegriti.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kandungan terhadap dokumen, artikel jurnal dan sumber ilmiah yang berkaitan dengan teras pengurusan Islam. Data diperoleh daripada teks akademik, jurnal, dan laporan yang membincangkan konsep Tauhid, Khilafah, Taskhir, Tazkiyah dan Karamatul Insan dalam pengurusan. Analisis bertujuan mengenal pasti maksud, prinsip dan implikasi teras pengurusan Islam terhadap pembangunan organisasi dan masyarakat.

Kajian ini turut menilai isu semasa berkaitan pengurusan dalam konteks Malaysia dengan meneliti kes-kes kepimpinan dan program keagamaan yang berhubung dengan tazkiyah serta pengurusan berlandaskan Islam. Data dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti hubungan antara teori dan amalan pengurusan Islam serta kesannya dalam membentuk masyarakat yang lebih bertanggungjawab dan berintegriti.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**JENIS-JENIS TERAS PENGURUSAN ISLAM****Tauhid**

Muhammad Isa Selamat (1996) telah mendefinisikan tauhid sebagai ilmu yang dapat menegakkan akidah keagamaan seseorang yang berlandaskan kepada keyakinan. Menurut Qamus al-Muhit, tauhid bererti menjadikan sesuatu itu satu.

Menurut Muaz Mohd Noor (2022), terdapat tiga bidang utama yang menekankan tauhid dalam pengurusan. Yang pertama ialah hakikat insan. Hakikat insan merangkumi dua tugas utama, iaitu sebagai hamba Allah dan khalifah-Nya di muka bumi. Manusia perlu menyedari bahawa penciptaan mereka adalah untuk mentaati perintah Allah dan mengurus alam ini dengan adil dan amanah. Dengan kesedaran ini, manusia akan dapat mengurus kehidupan serta tanggungjawabnya selaras dengan syariat Islam, seterusnya mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat.

Seterusnya, hakikat amal merujuk kepada syarat-syarat utama bagi memastikan sesuatu amalan diterima sebagai ibadah kepada Allah, iaitu keikhlasan niat dan pelaksanaan yang menepati syariat. Amal hanya akan diterima jika dilakukan semata-mata kerana Allah dan menurut garis panduan yang ditetapkan oleh Allah dan Rasul-Nya.

Tambahan pula, hakikat organisasi bermaksud organisasi yang dibentuk mestilah selari dengan hakikat insan dan hakikat amal, yakni berteraskan nilai kehambaan, tanggungjawab, dan keikhlasan. Untuk membina organisasi yang beradab dan sejahtera, terdapat lima prinsip utama yang perlu diamalkan, iaitu syura (musyawarah), keadilan, kebebasan, persamaan hak, dan hak menegur pemimpin yang menyeleweng. Apabila prinsip-prinsip ini dilaksanakan dengan jujur dan konsisten, maka akan lahir sebuah organisasi yang adil, terbuka dan berteraskan nilai-nilai Islam (Mohd. Affandi, 1994).

Para organisasi tanpa mengira hierarki akan berusaha berlaku adil dan melaksanakan semua aktiviti kerana sedar apa yang mereka lakukan di dunia akan dipersoalkan semasa di akhirat. Oleh itu, hal-hal yang bertentangan seperti kezaliman, penindasan dan penyelewengan dengan dua falsafah tauhid akan dihapuskan (Muaz Mohd Noor, 2022).

i. Tauhid Uluhiyyah

(Uluhiyyah berasal dari perkataan “Ilah” yang bermaksud sesuatu yang dipuja dan disembah) (Mohd Nasir Ayub & Wan Asma’ Wan Abu Bakar, 2010) mengajar manusia untuk yakin bahawa hanya Allah SWT sahaja yang berhak disembah dan ditaati sepenuhnya. Manusia menjalankan tugas dalam organisasi demi meraih keredaan Allah dan menjauhi kemurkaan-Nya, dengan menjadikan pekerjaan sebagai satu bentuk ibadah, bukan semata-mata untuk kepentingan dunia atau kebendaan. Mereka menyedari bahawa setiap usaha dan tanggungjawab yang dilaksanakan adalah sebahagian daripada amanah Allah dan oleh itu, segala perbuatan haruslah berlandaskan niat yang tulus serta

mematuhi nilai-nilai Islam, agar pekerjaan yang dilakukan bukan sahaja memberi manfaat kepada dunia tetapi juga menjadi bekalan akhirat.

ii. Tauhid Rububiyah

menurut Azman Che Omar (2001) ialah kepercayaan bahawa Allah SWT adalah satu-satunya yang mencipta, memiliki, mengurus dan mengawal seluruh alam semesta, dan oleh itu hanya Dia berhak disembah dan ditaati dalam konteks peraturan dan ketetapan-Nya. Dalam konteks ini, pengurus yang memahami dan menghayati Tauhid Rububiyah sepatutnya menyedari bahawa kuasa dan kedudukannya sebagai pemimpin adalah amanah daripada Allah, bukan hak mutlak. Segala tindakan termasuk memberi arahan kepada pekerja mesti dilakukan dengan penuh rasa tanggungjawab, jujur dan adil, kerana setiap perbuatan itu akan dipersoalkan di akhirat. Tindakan memaksa pekerja melanggar syariat Islam seperti mengabaikan solat dan mengurus makanan haram mencemarkan nilai Tauhid Rububiyah.

Khilafah

Khilafah merupakan seseorang yang menjadi pengganti Allah di muka bumi ini yang dapat menjadi seorang yang bertanggungjawab serta mentadbir bagi semua umat Islam. (Muaz Hj Mohd Noor, 2022) Hal ini dikatakan demikian kerana, khilafah dapat menegakkan syariat Islam dan dapat menyebarkan dakwah yang benar ke seluruh dunia. Perkara ini juga perlu diketahui oleh semua umat Islam supaya semua umat mengerti bahawa seseorang khalifah juga perlu bertauliah dan benar agar ilmu yang diterima oleh semua umat adalah benar. (Siti Fatimah Muhamad Nor, 2022) Menurut al-Quran, Allah telah menciptakan manusia sebagai pengganti-Nya supaya dapat menggunakan kurniaan-Nya mengikut kesesuaian. (David Hanif, 2022).

Selain itu, dengan menjadi seorang khilafah, ia perlu memikul tanggungjawab yang berat dalam hidupnya. Hal ini dikatakan demikian kerana, seorang pemimpin juga perlu melaksanakan amanah Allah dalam kejujuran, integriti dan kesaksamaan. Seorang khilafah juga tidak boleh bertindak atas kepentingan diri tetapi perlu bertindak mengikut kehendak yang Allah telah tetapkan. (Chindy Shamantha, 2022).

Tambahan pula, menurut Ridwan Nurdin (2014), beliau berkata bahawa khilafah menggantikan Allah dalam mengerjakan tugas-Nya bagi semua makhluk-Nya. Manusia digelar “khalifatullah” atau pengganti Allah. Hal tersebut boleh ditunjukkan dari firman Allah SWT dalam surah Shaad 38:26 yang berbunyi:

يَا دَاوُدُ إِنَّا جَعَلْنَاكَ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Maksudnya: “Wahai Daud, aku telah jadikan kamu menjadi khilafah di bumi (Syam).”

Tugas-tugas Khilafah:

a)Setiap khalifah bertanggungjawab untuk pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial Bumi.

- b) Pemimpin mesti bersikap adil terhadap semua orang tanpa mengira status, kaum atau bangsa mereka.
- c) Memastikan keamanan umum masyarakat perlu dijaga secara keseluruhan.
- d) Jihad
- e) Bermusyawarah dengan wakil-wakil rakyat dalam setiap urusan.

Di samping itu, menurut Suwandi Simangunsong & Mohd Syakir Mohd Rosdi (2022), mereka berkata Islam menegakkan sebuah sistem yang berasaskan konsep pengurusan ekonomi berkemakmuran dan berkeadilan. Kefahaman mengenai keadilan yang diamalkan dalam Islam bukan sekadar ingin memastikan masyarakat hidup aman, tetapi lebih dari itu serta mematuhi perintah Allah SWT. Umat Islam percaya jika barisan kepemimpinan itu mematuhi perintah Allah SWT, maka masyarakat juga terjamin di bawah kepatuhan tersebut. Selain itu, khilafah adalah mekanisme kepemimpinan yang unik di mana hanya pemimpin di tempat tersebut sahaja dan tidak membenarkan banyak pemimpin di rantau tertentu. (Adrian, 2020)

Tashkir

Ketiga adakah Taskhir. Taskhir ialah konsep dalam Islam yang menggambarkan bagaimana Allah telah menjadikan alam semesta ini tunduk kepada manusia. Ini bermaksud, segala yang ada di bumi seperti air, udara, tumbuhan, haiwan, bahkan matahari dan bulan diciptakan untuk membantu manusia menjalani kehidupan dengan lebih mudah. Taskhir dari sudut bahasa bermaksud ketundukan alam semesta kepada manusia sebagai khalifah. Dari sudut istilahnya pula ialah Allah SWT telah menundukkan sekalian alam semesta untuk memberi kesenangan dan memudahkan manusia menjalankan tugas sebagai seorang khalifah. (Muaz, 2022)

Firman Allah SWT:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ أَنزَلَ لَكُم مَّا فِي الْأَرْضِ مَاءً فِيهِ تَجْرُونَ ۚ وَاللَّهُ يَذُرُّ الْحَبَّ وَالنَّارَ لَكُمْ فِي الْأَرْضِ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَشَدِيدُ الْحِسَابِ ۚ
تَقَعُ عَلَى الْأَرْضِ الْإِلَٰهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ لَشَدِيدُ الْحِسَابِ ۚ

Maksudnya: “Tidakkah engkau melihat bahawa Allah telah memudahkan apa yang ada di bumi untuk kegunaan kamu, dan (demikian juga) kapal-kapal yang belayar di laut dengan perintah-Nya? Dan Ia pula menahan langit daripada runtuh menimpa bumi, kecuali dengan izin-Nya; sesungguhnya Allah Amat melimpah belas kasihan-Nya dan rahmat-Nya kepada umat manusia.”

(Al-Haj 22:65)

Jenis Makhhluk yang Ditundukkan Allah

i. Langit, bumi dan hujan

Dalam konsep taskhir, langit, bumi dan hujan memiliki makna yang lebih dalam dari sekadar unsur alam. Mereka adalah tanda-tanda kebesaran Allah yang telah ditundukkan agar manusia dapat menjalani kehidupan dengan baik. Teori penciptaan alam semesta yang dikemukakan oleh ilmu pengetahuan menurut Tengku Muhammad Hasbi Ash-

Shiddiqi sesuai dengan teori Al-Quran sendiri dalam firman Allah yang tersebut dalam surat al-Anbiya' ayat 30 yang bermaksud:

Langit dan bumi, mula-mulanya adalah satu paduan kemudian Allah menceraikannya. Dan Allah menjadikan udara di antara keduanya yang menghilangkan panasnya bumi agar kita dapat hidup di atasnya. Udara yang bergerak dan terus berpindah-pindah itulah yang menyebabkan turunnya hujan dan membentuk laut dan sungai.” (Muhammad Rijal Mustofa, 2022)

Terdapat pelbagai contoh taskhir atau penundukan alam yang telah disebut dalam Al-Quran. Antaranya, dalam Surah Al-An'am ayat 99, telah diterangkan fenomena penurunan hujan yang membolehkan tanam-tanaman menghidup. Buah-buah yang terhasil daripadanya kemudian manusia jadikan sumber makanan bagi memastikan kelangsungan hidup mereka.

وَهُوَ الَّذِي أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجْنَا بِهِ ثَبَاتٌ كُلٌّ لِّشَيْءٍ فَأَخْرَجْنَا مِنْهُ خَضِرًا نُخْرُجُ مِنْهُ حَبًّا
مُتَرَاكِبًا وَمِنَ النَّخْلِ لَمِنْ أَغْلَانٍ وَزَيْتُونًا وَرُمَّانًا وَالرُّمَّانُ مُشْتَبِهٌ ۚ وَغَيْرُ
مُتَشَبِهٍ لَّنُظَرُوا إِلَى تِمْرَةٍ إِذَا نَمَرَتْ وَيَنْفَعُ الْإِنْسَانَ فِي ذَٰلِكَ لَّيْلٌ قَوْمٌ يُؤْمِنُونَ

Maksudnya: “Dialah yang menurunkan air dari langit lalu dengannya Kami menumbuhkan segala macam tumbuhan. Maka, darinya Kami mengeluarkan tanaman yang menghidup. Darinya Kami mengeluarkan butir yang bertumpuk (banyak). Dari mayang kurma (mengurai) tangkai-tangkai yang menjuntai. (Kami menumbuhkan) kebun-kebun anggur. (Kami menumbuhkan pula) zaitun dan delima yang serupa dan yang tidak serupa. Perhatikanlah buahnya pada waktu berbuah dan menjadi masak. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi kaum yang beriman.”

Kesimpulannya ialah semuanya diciptakan bukan hanya untuk dimanfaatkan, tetapi juga untuk dijaga sebagai bentuk rasa syukur dan tanggungjawab manusia sebagai khalifah di bumi.

ii. Lautan

Lautan adalah salah satu tanda kebesaran Allah yang telah ditundukkan untuk memberi manfaat kepada manusia. Lautan bukan sekadar hamparan air yang luas, tetapi juga sumber kehidupan. Dari laut, manusia dapat menangkap hidupan sebagai sumber makanan dan hasil bumi seperti garam, mutiara dan minyak sebagai sumber pendapatan. Laut juga membantu menjaga keseimbangan cuaca dan suhu di bumi.

Selain itu, haiwan yang berada di darat dan di laut juga berguna kepada manusia. Walaupun ada yang merbahaya tetapi secara keseluruhannya ia menjadi sumber makanan manusia. Bayangkan betapa susahnya manusia sekiranya kesemua haiwan tadi pupus akibat daripada perbuatan manusia yang keterlaluan. (Norita Kamaruddin, 2021).

Allah berfirman dalam Al-Quran:

أَحْلَلْ لَكَ صَيْدَ الْبَحْرِ وَطَعَامَهُ مَتَّعَ الْكَافِرَ وَلِلَّيْزَانِ عَذَابٌ رَمَ عَلَيْكُمْ صَيْدُ الْبَرِّ مَا دُمْتُمْ حُرُمًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ

Maksudnya: “Dihalalkan bagimu binatang buruan laut dan makanan (yang berasal) dari laut sebagai makanan yang lazat bagimu, dan bagi orang-orang yang dalam perjalanan; dan diharamkan atasmu (menangkap) binatang buruan darat, selama kamu dalam ihram. Dan bertakwalah kepada Allah Yang kepada-Nya-lah kamu akan dikumpulkan.”

(Al – Ma’idah,
5:96)

Firman Allah SWT dalam ayat yang lain, iaitu Surah Al-Nahl ayat 16,

وَهُوَ الَّذِي سَخَّرَ لَنَآكَ الْبَحْرَ لِتَأْكُلَ مِنْهُ لَحْمًا طَرِيًّا وَتَسْتَخْرِجُ مِنْهُ حَبْلًا مِّنْهُ جَلِيًّا ۖ تَلْبِسُوهَا وَتَرَى الْفُلُكَ مَوَازِرَ فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ ۚ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya: “Dan Dialah, Allah yang menundukkan lautan (untukmu), agar kamu dapat memakan daripadanya daging yang segar (ikan), dan kamu mengeluarkan dari lautan itu perhiasan yang kamu pakai; dan kamu melihat bahtera berlayar padanya, dan supaya kamu mencari (keuntungan) dari kurnia-Nya, dan supaya kamu bersyukur.”

iii. Sungai

Sungai dianggap sebagai salah satu bentuk taskhir yang diberikan kepada manusia. Sungai tidak hanya berfungsi sebagai sumber air, tetapi juga sebagai jaringan pengangkutan, habitat bagi makhluk hidup, serta sebahagian daripada keseimbangan ekosistem. Dalam perspektif Islam, sungai adalah salah satu tanda kebesaran Allah SWT yang telah ditundukkan agar manusia dapat memanfaatkannya untuk kehidupan mereka. (Muaz, 2022).

Sungai merupakan antara jalan perhubungan yang tertua dalam sejarah tamadun manusia. Ia boleh menghubungkan manusia dari satu kawasan ke satu kawasan yang lain. Sebagai contoh, Sungai Kinabatangan yang menghubungkan barat daya Sabah ke Laut Sulu di timur. Ia bukan sekadar menjadi kemudahan perhubungan manusia, malah menjadi alat pengangkutan sumber-sumber alam seperti kayu balak dan lain-lain. Kebanyakan penempatan pusat tamadun awal dahulu ialah di sekitar sungai atau lembah, seperti Lembah Indus di India, Sungai Nil di Mesir, Sungai Mekong di Asia Tenggara. (Muaz, 2022).

Selain itu, sungai juga boleh menjadi sumber perlancongan yang dapat menjana ekonomi sesebuah negara. Contohnya, sungai Chao Praya di Thailand, Sungai Melaka, Sungai Rhine di Switzerland dan lain-lain. Sungai juga menjadi sumber utama makanan dan minuman bagi kegunaan manusia. Manusia mendapatkan bekalan makanan seperti ikan, udang dan sumber air bersih. (Muaz, 2022). Firman Allah SWT juga pernah mengatakan bahawa:

أَخْرَجَ مِنْهَا مَاءَهَا وَمَرْعَ بِهَا

Maksudnya: “Ia memancarkan daripadanya mata airnya, dan (menumbuhkan) tumbuh – tumbuhannya.”

(Al-Nazi’at, 79:31)

Menurut tafsir Quraish Shihab, ayat ini menunjukkan bahawa dari dalam perut bumi Allah mengeluarkan air, mengalirkannya melalui sungai -sungai, menyirami tumbuh-tumbuhan agar dapat digunakan oleh manusia dan binatang sebagai sumber makanan. (Muaz, 2022)

iv. Matahari dan bulan

Dalam konsep taskhir, matahari dan bulan adalah dua benda di langit yang telah ditundukkan oleh Allah SWT untuk kepentingan manusia. Matahari berfungsi sebagai sumber cahaya dan tenaga, sementara bulan mempengaruhi pasang surut air laut dan berbagai aspek ekologi serta kalendar manusia. Dalam Al-Quran, Allah menyebutkan bahawa matahari dan bulan beredar dalam orbitnya sesuai dengan ketetapan-Nya, tanpa menyimpang dari orbit lain. Ini menunjukkan bahawa kedua-duanya adalah sebahagian daripada sistem yang telah diatur dengan sempurna untuk kesejahteraan manusia. Konsep ini menegaskan bahawa alam semesta tidak beroperasi secara kebetulan, tetapi telah diatur dengan tujuan tertentu oleh Allah SWT.

Firman Allah SWT:

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلِ لِكَيْ تَجْرِيَ فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَكُونَ وَتُصَوِّرُ السَّحَابِ الْمُسَخَّرَ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَعَلَّكُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia, dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupkan bumi sesudah mati (kering)-nya dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis haiwan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi; sungguh (terdapat) tanda-tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan.”

(Al-Baqarah, 2:164)

وَسَخَّرَ لَكُمُ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ دَائِبَيْنِ وَسَخَّرَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ

Maksudnya: “Dan Dia telah menundukkan (pula) bagimu matahari dan bulan yang terus menerus beredar (dalam orbitnya); dan telah menundukkan bagimu malam dan siang.”

(Ibrahim, 14:26)

v. Siang dan Malam

Dalam konsep taskhir, siang dan malam ialah dua fenomena alam yang telah ditundukkan oleh Allah SWT untuk kepentingan manusia. Siang memberikan cahaya yang membolehkan manusia bekerja, bercucuk tanam, dan menjalankan aktiviti harian. Malam pula membawa ketenangan, memberi waktu untuk berehat, tidur, dan memulihkan tenaga. (Muaz, 2022)

Firman Allah SWT berbunyi:

وَمِنْ رَحْمَتِهِ جَعَلَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ لِتَسْكُنُوا فِيهِ وَلِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ وَلَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ

Maksudnya: “Dan di antara rahmat pemberian-Nya, Ia menjadikan untuk kamu malam dan siang (silih berganti supaya kamu berehat padanya dan supaya kamu berusaha mencari rezeki dari limpah kurnia-Nya, dan juga supaya kamu bersyukur.”

(Al-Qasas 28:73)

Selain itu, manusia dapat menentukan waktu solat, bersahur, dan berbuka puasa berdasarkan kitaran siang dan malam. Contohnya, waktu solat Subuh ditentukan sebelum terbitnya fajar, sementara waktu solat Maghrib ditetapkan selepas terbenamnya matahari. (Muaz, 2022)

Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan lima jenis makhluk yang ditundukkan Allah ialah makhluk-makhluk ini berkaitan erat dengan taskhir iaitu alam semesta yang keseluruhannya bermanfaat untuk kemaslahatan kehidupan manusia. Semuanya dapat menjadi refleksi dan renungan kepada manusia sebagai pelaksana taskhir agar mampu menjalankan amanah sebagai khalifah dalam pelestarian bumi, dan bersyukur atas segala kurnia Allah agar menjadi manusia yang berakal dan mampu menambah keimanannya kepada Allah. (Muhammad Fauzi, 2022)

Tazkiyah

Manusia tidak pernah lari dalam melakukan dosa secara sembunyi mahupun terbuka. Namun tidak semua manusia mahu tenggelam di dalam dosanya sendiri, ada yang menyesali akan perbuatannya namun berasa tidak layak diampuni, dan ada juga yang tidak tahu cara untuk bertaubat. Sesungguhnya pintu taubat sentiasa terbuka luas bagi hamba-Nya yang ingin bertaubat. Dalam konteks ini menekankan topik berkenaan pembersihan diri daripada segala bentuk perkembangan yang tidak dikehendaki dan tidak baik.

Dari sudut bahasa, tazkiyah bermaksud penyucian, pembersihan diri dan penyuburan diri serta penyingkiran perkara kotor dan keji yang terkurung dalam hati. Dari segi istilah pula, tazkiyah bermaksud suatu usaha gigih dan bersungguh-sungguh bagi membersihkan dan menyucikan diri seseorang manusia dari sifat mazmumah yang menjadi penghalang kepada penyuburan akhlak yang terpuji bagi seseorang hamba Allah yang berdosa.

Maksud al-Nafs pula menurut Imam al-Ghazali adalah keadaan diri manusia sendiri, merujuk kepada pengertian yang menyentuh semua sifat amarah dan hawa nafsu dalam diri manusia, dan menjadi punca kepada sifat-sifat tidak baik yang muncul daripada peribadi manusia, dan hal keadaan diri manusia itu sendiri.

Tujuan tazkiyah adalah:

- i) Mendekatkan diri kepada Allah dengan hati yang suci daripada dosa
- ii) Memperolehi kejayaan di dunia dan akhirat
- iii) Melahirkan insan yang mematuhi perintah Allah SWT sebenar-benarnya.

Apakah kesan tazkiyah kepada manusia?

- i) Hati menjadi tenang dan jauh dari prasangka buruk.
- ii) Sentiasa kuat menjalani ujian hidup dengan penuh hikmah.
- iii) Melahirkan insan yang bertakwa, berkasih sayang serta menabur bakti kepada orang lain.
- iv) Sentiasa dilindungi dan dikasihi Allah SWT dan di sukai masyarakat sekeliling.

Langkah-langkah melakukan tazkiyah adalah:

1. Solat

-Permulaan yang baik daripada segalanya adalah membiasakan diri bersujud kepada pencipta memohon keampunan.

2. Puasa

-Bukan sahaja menahan lapar dan dahaga namun melatih diri supaya menahan nafsu yang mendorong kepada perkara mazmumah.

3. Zakat dan sedekah

-Membayar zakat yang semampunya kepada mereka yang layak menerima.

4. Membaca al-Quran

-Melatih diri memahami dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran.

5. Berzikir

-Membiasakan lidah menyebut nama-nama suci Allah SWT, dengan berzikir juga dapat menyucikan hati yang kotor.

6. Mengingati mati

-Sentiasa bertaubat dan takut akan seksaan kepada mereka yang mungkar.

7. Amar makruf nahi mungkar

-Mengelak daripada melakukan perkara yang sia-sia namun mendekatkan diri melakukan perkara yang memberi ganjaran pahala.

8. Mengamalkan akhlak mulia

-Menjadi insan yang pemaaf, berbaik sangka dan sentiasa bersabar dalam menghadapi ujian.

Karamatul Insan

Perkataan "karamatul" berasal daripada perkataan Arab "ka-ri-ma," yang bermaksud mulia. Istilah "karamatul insan" atau kemuliaan manusia, merujuk kepada pengertian bahawa Allah telah mencipta manusia dengan sebaik-baiknya, seperti kesempurnaan fizikal, kesempurnaan pancaindera dan kelebihan akal. (Muaz,2022)

Allah telah memuliakan manusia lebih daripada kebanyakan ciptaan-Nya, dan melebihi mereka daripada segala-galanya sepertimana firman Allah SWT dalam Surah al-Isra' 17:70 yang bermaksud:

"Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkut mereka di daratan dan di lautan, Kami beri mereka rezeki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan."

Walaupun begitu, Surah al-Isra' ayat 70 mengandungi maksud tentang kemuliaan manusia yang sangat dalam. Antara kandungan yang terkandung di dalamnya adalah ajaran bahawa manusia mesti sentiasa menjaga kehormatan antara satu sama lain sesama manusia, sentiasa mensyukuri nikmat yang Allah berikan SWT, dan menjunjung amanat yang diberikan oleh Allah SWT sebagai makhluk paling mulia di antara makhluk lain. Allah SWT menciptakan sesuatu kejadian pastinya mempunyai tujuan dan fungsi tertentu termasuklah penciptaan manusia sebagai khalifah di muka bumi. Sebagaimana Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Sesungguhnya aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi. Mereka berkata, "Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerosakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami Sentiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?" Tuhan berfirman: "Sesungguhnya aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui."

(Al-Baqarah: 30)

Manusia sebagai hamba Allah telah dijadikan sebagai khalifah di muka bumi ini sebagai wakil Tuhan dalam mengatur dan memakmurkan kehidupan di muka bumi ini. Dengan demikian manusia di samping dianggap mampu untuk melaksanakan perintah ini, manusia juga dipercayai oleh Allah dapat melakukannya dengan baik. Dalam kehidupan ini, manusia telah dikurniakan dengan berbagai potensi diri sebagai wakil dalam mengatur dan memakmurkan kehidupan di muka bumi ini. (Muhammad Dawang, 2011).

Terdapat 3 fungsi karamatul insan (kemuliaan manusia):

A. Manusia wajib menjaga kesinambungan segala yang ada di muka bumi ini. Mereka tidak boleh melakukan apa-apa kerosakan yang boleh dilakukan mengganggu kelestarian alam. Inilah maksud firman Allah,

“Jangan anda merosakkan muka bumi selepas pembaikan dibuat di atasnya di sana”.

(Al-A'raf : 56)

Hak atau potensi untuk memperolehi rezeki yang baik. Oleh itu, manusia mesti memanfaatkan rezeki yang dikurniakan Allah untuk memperkasakan lagi kehidupan bermasyarakat. Manusia diperintah oleh Allah SWT untuk mencari rezeki bukan sahaja untuk memenuhi keperluannya, tetapi Al-Quran memerintahkannya untuk mencari fadhllAllah, yang bermaksud kelebihan yang bersumber dari Allah.

“Apabila telah ditunaikan solat, Maka bertebaranlah kamu di muka bumi; dan carilah kurnia Allah dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beruntung”

(Al-Jumu'ah : 10)

Kelebihan yang dimaksudkan bertujuan supaya mereka yang mendapatnya dapat melaksanakan ibadah dengan sempurna dan menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan.

3. Keistimewaan manusia dari makhluk yang lain. Cerminan kelebihan manusia berbanding makhluk lain mesti dibuktikan dengan sifat manusia itu sendiri. Manusia mampu mengurus persekitaran sekeliling dengan baik ,mempunyai akal yang sempurna dan nilai berperikemanusiaan yang tinggi. Dengan nilai-nilai yang wujud dalam diri manusia, sekaligus membuktikan bahawa manusia merupakan makhluk yang mulia diciptakan Allah SWT dan layak menjadi khalifah di muka bumi berbanding makhluk lain.

Daripada kajian tentang kemuliaan manusia dalam surah al-Isra' ayat 70, maka dapatlah disimpulkan bahawa secara hakikatnya manusia mempunyai potensi untuk berfikir dan kebijaksanaan. Hal ini kerana, dalam Al-Quran ada menyatakan bahawa akal yang dikurniakan Allah SWT membolehkan manusia sentiasa mengingat (al-Zikr) dan berfikir atau merenung ciptaan-Nya seperti dalam Surah Al-Ra'd 13:19.

Penggunaan akal membolehkan manusia mengetahui tanda-tanda kebesaran Allah dan mengambil pengajaran daripadanya. Selain itu, manusia mempunyai keistimewaan berbanding makhluk Allah yang lain di muka bumi ini. Kita boleh melihat keistimewaan ini dari segi penciptaan fizikal dan personaliti. Justeru itu, kerana keistimewaan inilah manusia mempunyai tugas dan kewajipan yang berbeza daripada makhluk lain. (Muhammad Dawang, 2011).

ISU SEMASA MENGENAI TERAS PENGURUSAN ISLAM

Khilafah

Setiap 5 tahun sekali negara Malaysia akan melakukan pertukaran pemimpin yang dipanggil sebagai Perdana Menteri. Akhir-akhir ini negara Malaysia telah digemparkan dengan berita yang menjadikan negara haru biru untuk membuat pilihan pemimpin yang baharu. Ahli-ahli parlimen yang berebut untuk menjadi pemimpin negara namun mereka tidak tahu untuk memikul tanggungjawab yang besar. Sebagai contoh masalah rasuah

yang kerap berlaku pada jawatan jawatan besar malah rakyat bawahan turut melakukan rasuah.

Menjadi seorang pemimpin bukan atas nama sahaja malah perlu memikul tanggungjawab yang besar sebagai contoh menyelesaikan masalah rakyat, berlaku adil dan menunjukkan perbuatan yang baik kepada rakyat-rakyat bawahan. Tambahan pula, Malaysia membuat pertukaran pemimpin pada setiap 5 tahun sekali kerana untuk mengelakkan masalah rasuah terjadi. Masalah rasuah tidak dapat dielakkan kerana setiap individu tidak mengambil berat tentang perkara ini. Menurut Abdullah bin Amr R.Anhuma, Rasulullah SAW bersabda:

يَشْتَرِ مَلَاو يَشَارِلَا بِلْعِ قَتْعَل

Maksudnya: “Laknat Allah kepada pemberi rasuah dan penerima rasuah.”

Riwayat Ahmad (6984) dan Ibnu Majah (2313)

Tazkiyah

Baru-baru ini Kolej Tun Ali, UiTM Kampus Alor Gajah, Melaka telah mengadakan satu program keagamaan yang dipanggil “Program Imarah Mawaddah”. Program ini khas diadakan khususnya kepada mahasiswi. Program ini mengadakan aktiviti qiamullail perdana yang secara langsung berkait rapat dengan konsep tazkiyah al-nafs, iaitu penyucian jiwa daripada sifat-sifat yang mungkar dan menghiasinya dengan akhlak yang baik dan terpuji.

Qiamullail merupakan solat-solat sunat yang dilakukan pada 1/3 malam dan penuh dengan keinsafan, solat-solat sunat ini merupakan salah satu amalan yang dituntut oleh Allah SWT bagi mendekatkan hati kepada Allah SWT dan memohon keampunan daripada-Nya. Dalam program ini mahasiswi bukan sahaja diajak untuk beribadah secara berjemaah tetapi bagi menghidupkan jiwa dengan zikir dan doa-doa yang menyentuh hati bagi mereka yang ingin dekat dengan penciptanya.

Dengan wujudnya program ini sedikit sebanyak dapat membantu membersihkan hati, menguatkan keimanan bagi menjalani cabaran kehidupan sebagai khalifah serta tanggungjawab sebagai pelajar universiti. Program ilmiah seperti ini merupakan aktiviti praktikal bagi menjayakan matlamat besar tazkiyah dalam diri setiap pelajar dan seterusnya memberikan impak yang besar kepada akhlak pelajar.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kertas kerja ini, membincangkan secara mendalam mengenai teras pengurusan Islam iaitu Tauhid, Khilafah, Taskhir, Tazkiyah dan Karamatul Insan. Pengurusan Islam merupakan satu konsep yang menyeluruh yang memberi pendekatan dalam mengurus diri dan organisasi. Selain itu, setiap tindakan dan keputusan yang diambil oleh seseorang ketua atau pengurus haruslah berlandaskan kepada ajaran Islam, yang menekankan konsep tanggungjawab, amanah dan adil.

Salah satu teras pengurusan Islam iaitu Tazkiyah meliputi penyucian jiwa seseorang individu yang boleh menjadi faktor utama keberkesanan sesuatu pengurusan. Dengan adanya ramai individu yang mengamalkan konsep Tazkiyah, maka pengurusan sesuatu organisasi akan menjadi lebih baik dan dipercayai oleh masyarakat.

Di samping itu, pengurusan Islam juga menggalakkan amalan syura (musyawarah) dalam proses pengambilan keputusan. Melalui syura, setiap ahli dalam sesuatu organisasi diberi peluang untuk menyuarakan pandangan dan idea mereka, yang bukan sahaja mempercepat proses pengambilan keputusan tetapi juga meningkatkan keyakinan dan keberkesanan terhadap keputusan yang diambil. Ini adalah penting dalam membina suasana kerja yang harmoni.

Secara keseluruhannya, teras pengurusan Islam menawarkan pendekatan yang mematuhi syariah dan beretika dalam pengurusan organisasi. Dengan berpegang kepada nilai-nilai ini, pengurusan Islam bukan sahaja mampu melahirkan pemimpin yang adil dan amanah, tetapi juga membentuk masyarakat yang harmoni dan berdaya saing.. Pengurusan yang berlandaskan Islam bukan sahaja memberi manfaat kepada organisasi itu sendiri tetapi juga kepada masyarakat secara keseluruhan, iaitu bukan sekadar mencapai kejayaan duniawi malah berusaha juga mencapai kejayaan ukhrawi.

RUJUKAN

- Adrian. (2020). *Sistem pemerintah Khilafah menurut Hizbut Tahrir* (pp. 50–51). [PDF file]. https://example.com/39940_Full_Text.pdf
- Ahmad Esa, Baharom Mohammad, Jamaludin Hashim, Mohd Noor Hashim, Mohd Yusop Ab Hadi, & Nur Fadzillah Hussin. (2008, October 16). *Pendekatan Tauhid dalam kepemimpinan pendidikan*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). <https://core.ac.uk/download/pdf/12008184.pdf>
- Anindia, E. (2023). *Taskhir dalam Al-Qur'an (Studi analisis ayat-ayat penundukkan alam)* (Undergraduate thesis). IAIN Ponorogo. <https://etheses.iainponorogo.ac.id/24717/1/e-theses.pdf>
- Azman Che Omar. (2001). *Pengurusan di Malaysia dari perspektif Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chindy, S. (2023). Peradaban Islam pada masa Khilafah Al-Rasyidah. *I*(1), 39–41.
- David Hanif. (2022). *Konsepsi pemerintahan Khilafah dalam perspektif fiqh siyasah dan UUD*. [Unpublished manuscript].
- Fatin Rabia'tul Adawiyah Mohammed Fareed. (2023). Model-model pengurusan Islam: Suatu sorotan literatur: Islamic management models: A literature review. *Jurnal Syariah*, 30(2), 123–151.
- Jamari Mohtar. (2022, November 11). *Ulasan pilihan raya paling sukar diramalkan*. [Article].
- Mohd Affandi Hassan. (1994). Pendekatan Tauhid dalam pengurusan dan pentadbiran awam: Konsep, prinsip dan model alternatif. In Shafie Hj Mohd Salleh & Mohd Affandi Hassan (Eds.), *Kecemerlangan pentadbiran: Dasar dan amalan dalam Islam* (pp. xx–xx). [Publisher info incomplete].
- Mohd Nasir Ayub, & Wan Asma' Wan Abu Bakar. (2010). *Islam dalam realiti kehidupan*. Universiti Teknologi MARA.

- Muaz Hj Mohd Noor, Izzah Nur Aida Zur Raffar, Hamidah Jalani, & Nang Naemah Nik Dahalan. (2022). *Modul pengurusan Islam*. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Muhammad Aidil Noor Azizul. (2021). *Taskhir: Antara Tuhan, insan dan alam*. <https://news.iium.edu.my/?p=159164>
- Muhammad Dawang. (2014). *Kemuliaan manusia dalam Al-Qur'an: Kajian tahlili Surah Al-Isra' ayat 70* (Undergraduate thesis). UIN Alauddin Makassar.
- Muhammad Fauzi. (2022). Konsep *Taskhir* dalam Al-Qur'an: Telaah pemikiran Wardani dalam tafsir ayat penundukan alam. *Qudwah Qur'aniyah: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir*, 2(1), 1–23.
- Muhammad Isa Selamat. (1996). *Sifat-sifat Allah dan mentauhidkan diri kepada-Nya*. Darul Nu'man.
- Muhammad Latiffi Mahadzir. (2022). *Kajian perbandingan konsep Tazkiyah al-Nafs menurut Ibn Arabi dan Jalaluddin al-Rumi* (Master's thesis). Universiti Sains Malaysia. <https://eprints.usm.my/59400/1/MUHAMMAD%20LATIFFI%20BIN%20MAHADZIR%20-%20TESIS.pdf>
- Muhammad Rijal Mustofa. (2022). *Alam dan manusia dalam perspektif Al-Quran (Kajian makna Taskhir dalam tafsir Isyari)* (Undergraduate thesis). Universitas Raden Intan. <https://repository.radenintan.ac.id/36776/1/bab%201%2C2%20%26%20dapus.pdf>
- Norita Kamaruddin. (2021). Hubungan manusia dan alam sekitar menurut perspektif Islam. In *Proceedings* (pp. 658–667). [Conference name missing].
- Rashidi Bin Abbas. (2008). Pengurusan modal insan dalam organisasi: Perspektif pengurusan Islam. In *The 4th National Human Resource Management Conference*. Universiti Malaysia Pahang.
- Ridwan Nurdin. (2014). *Kualiti kehidupan kerja, kesetiaan pekerja dan kepemimpinan bertauhid* (Master's thesis). [Institution name missing].
- Siti Fatimah Muhammad Nor. (2022). Islamic leadership on human governance: A review. *CIFER International Journal of Islamic Finance*, 1(1), 104–105.
- Suwandi Simangunsong, & Mohd Syakir Mohd Rosdi. (2022). Konsep pemerintahan Islam berasaskan konsep pengurusan ekonomi Khalifah Umar al-Khattab RA. [Unpublished manuscript].
- Zidni Nuran Noordin, & Zaizul Ab. Rahman. (2017). Perbandingan proses Tazkiyah al-Nafs menurut Imam al-Ghazali dan Ibnu Qayyim. *Jurnal al-Turath*, 2, 41–42.